Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 14 Januari depan.

# Pengemis di lampu isyarat merimaskan

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA Follow

18 Disember 2024 05:55pm

SUNGAI PETANI - Kemunculan pengemis yang menagih simpati di beberapa buah lampu isyarat di bandar ini mengundang kebimbangan pengguna jalan raya.

Akibat rimas, seorang pengguna media sosial telah memuat naik hantaran mengenai tindakan beberapa lelaki dipercayai gelandangan itu meminta sedekah daripada orang ramai ketika berhenti di lampu isyarat terbabit.

Berdasarkan hantaran pengguna bernama Liza Kassim, peminta sedekah dipercayai melakukan kegiatan itu bermula dari lampu isyarat Penjara Sungai Petani sehingga ke persimpangan Bangunan SP Plaza.




Seorang lelaki dilihat mendekati sebuah kenderaan berwarna merah dipercayai untuk meminta sedekah di hadapan Penjara Sungai Petani. Gambar kecil: Hantaran pengguna media sosial di Facebook mengenai aksi pengemis di lampu isyarat di Penjara Sungai Petani yang menimbulkan kebimbangan.

Dakwanya dalam hantaran sama, terdapat seorang pengemis dipercayai menggunakan kerusi roda untuk menagih simpati selain ada yang mengetuk tingkap kereta dengan kuat.

"Harap pihak berkaitan tengok keadaan ini, tahun 2025 Tahun Melawat Kedah takut terjejas imej Sungai Petani," dakwanya melalui hantaran di Facebook.

Sementara itu, tinjauan Sinar Harian di lokasi kejadian pada Rabu menemui peminta sedekah yang dilihat memakai kemeja-T warna merah mendekati sebuah kenderaan dipercayai bagi menagih simpati meminta wang.




Selain lampu isyarat di hadapan Penjara Sungai Petani, simpang lampu isyarat di SP Plaza turut dikatakan menjadi sasaran pengemis minta sedekah.

Kejadian terbabit berlaku ketika lampu isyarat bertukar merah dari arah Penjara Sungai Petani menuju ke Lagenda Heights.

> "
> **Lelaki berkenaan dilihat berjalan kaki di ruang pembahagi jalan dan singgah pada kenderaan yang berhenti akibat lampu isyarat merah untuk meminta sedekah.**

Dalam tinjauan berbeza, seorang lagi lelaki berkemungkinan gelandangan dilihat berpakaian lengkap namun dalam keadaan tidak terurus mundar-mandir di tepi jalan berdekatan Penjara Sungai Petani dari arah Hospital Lama menuju ke arah pusat bandar.



Tinjauan Sinar Harian menemui seorang lelaki lengkap berpakaian namun tidak terurus dipercayai gelandangan berkeliaran di hadapan Penjara Sungai Petani.

Seorang pengguna yang mahu dikenali sebagai Halim, 35, berkata, lelaki terbabit dilihat sering berjalan kaki dari lokasi itu sehingga ke Pekan Lama Sungai Petani.

"Nampak dia ini suka berjalan merata, bercakap sendiri dan setiap kenderaan yang berada berdekatan ditegurnya, mungkin 'tidak sihat' tetapi tak nampak pula minta sedekah," katanya.

Seorang lagi pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Zaki, 33, berkata, pernah membantu seorang lelaki berkerusi roda melintas jalan ketika berada di hadapan lampu isyarat dekat penjara.

"Saya sendiri pernah turun dari kenderaan dan bantu mangsa untuk melintas jalan kerana kasihankan dia sebab seorang diri guna kerusi roda di jalan sesak ini," katanya.

Rakannya, Anas, 33, berkata, selain tolong bawa ke tempat selamat, mereka pernah beri wang saku kepada lelaki berkerusi roda terbabit selain menasihati agar berhati-hati kerana bimbang dirempuh kenderaan yang sedang bergerak di simpang lampu isyarat berkenaan.

"Bagaimanapun, lepas kejadian itu, masih nampak lelaki terbabit berada di simpang sama, kami fikir mungkin dia 'sakit'," dakwanya.



Simpang lampu isyarat di hadapan Penjara Sungai Petani yang didakwa menjadi sasaran pengemis minta sedekah.

Dia turut mendakwa, ada juga rakan lain berdepan situasi pernah diketuk cermin kereta oleh pengemis ketika menunggu lampu isyarat bertukar hijau bagi tujuan meminta sedekah.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Wan Azharudin Wan Ismail, mengingatkan pengguna jalan raya agar tidak 'melayani' permintaan individu meminta sedekah ketika berhenti di lampu isyarat.

Bagaimanapun, jelasnya, sekiranya individu terbabit dikesan bertindak agresif seperti memaksa orang ramai menghulurkan wang sehingga merosakkan kenderaan, laporan polis boleh dibuat.

Apabila ditanya jika terdapat individu bertindak keterlaluan dengan berkelakuan tidak sopan di khalayak, jelasnya, tindakan tegas boleh dikenakan.

"Boleh buat laporan polis jika ada aksi keterlaluan, kelakuan tidak sopan atau merosakkan kenderaan, supaya polis boleh buat siasatan lanjut.

"Tindakan penguatkuasaan kepada pengemis boleh juga dibuat oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) jika disyaki terlibat penggunaan bahan terlarang, tidak bergantung kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) semata-mata," jelas beliau.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AMARAN BANJIR DI 113 KAMPUNG 4 DAERAH DI KELANTAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 19 DIS 2024 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Amaran banjir di 113 kampung 4 daerah di Kelantan

**Kota Bharu:** Sebanyak 113 kampung di empat daerah di Kelantan diminta berwaspada berlaku banjir susulan ramalan hujan berterusan mulai esok hingga Sabtu ini oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam kenyataan memaklumkan empat daerah terbabit ialah Machang, Pasir Mas, Tumpat dan Kota Bharu, membabitkan kampung terletak di kawasan rendah dalam lingkungan lima kilometer (km) dari Sungai Kelantan.

Menurut JPS, sebanyak 15 kampung dijangka terjejas banjir di Machang, Pasir Mas (54), Tumpat (16) dan Kota Bharu (28).

JPS turut memaklumkan banjir yang diramalkan itu boleh berlaku lebih awal atau lewat dari masa dijangkakan.

"Amaran berkenaan dikeluarkan bagi membolehkan semua penduduk terutama di kawasan dijangka banjir mengambil langkah waspada serta mengikuti arahan pihak berkuasa," menurut kenyataan itu.

Berikut senarai kampung dijangka terjejas mengikut daerah:

**Machang:** Kampung Pasir Senor, Kampung Pengkalan Kiat, Kampung Kerilla, Kampung Tebing Renoh, Kampung Cina, Kampung Kuala Hau, Kampung Temangan Lama, Temangan, Kampung Bandar, Kampung Pauh, Kampung Telok Choh, Kampung Belukar Panjang, Kampung Padang Kelupang, Kampung Bukit Besi dan Kampung Pertok," katanya.

**Pasir Mas:** Kampung Tendong, Kampung Atas Pinggir, Kampung Tal Tujuh, Kampung Kasar, Bandar Pasir Mas, Kampung Lemal, Banggol Chicha, Padang Embun, Tok Buak, Banggol Petaling, Banggol Kemian, Lubuk Chekok, Dangar, Kubang Bemban, Kubang Panjang, Aur China, Slow Machang, Kubang Batang, Kubang Gatal, Sakar, Kubang Bunut, Jias, Pengkalan Batu, Tebing Alor, Kasar, Kelar Tok Pukang, Lubok Tapah, Bendang Pauh, Gelam, Tok Uban, Kekabu, Tanjung Puteri, Jintan, Tikam Batu, Galok, Semuba, Bandar Baru Apam, Lati, Alor Pasir, Kampung Kubang Pak Amin.

Lokasi lain ialah di Kampung Pengkalan Batu, Kampung Slow Machang, Kampung Kubang Bemban, Kampung Kubang Panjang, Kampung Kubang Gatal, Kampung Tok Buak, Kampung Manan, Kampung Hutan Chengal, Kampung Padang Embun, Kampung Pauh (2), Kampung Belukar, Kampung Gaung, Kampung Lati dan Kampung Pohon Buloh.

**Tumpat:** Bandar Tumpat, Kampung Chat, Kampung Mak Neralang, Kampung Morak, Kampung Padang Tembesu, Kampung Berangan, Kampung Kok Majid, Kampung Kok Keli, Kampung Kok Pasir, Kampung Sungai Pinang, Kampung Paloh, Kampung Palekbang, Kampung Gerong, Kampung Kelong, Kampung Pasir Pekan dan Kampung Laut.

**Kota Bharu:** Sungai Kelantan iaitu di Kok Lanas, Kampung Pantai Kundur, Kampung Semut Api, Kampung Salor, Pulau Pisang Hilir, Kampung Pulau Kundur, Kampung Badang; Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail 3, Pasir Kota, Kampung Telok Chekering, Kampung Banggol, Kanping Tok Batek, Kampung Kuala Besar, Kampung Kijang, Kampung Keseng, Kampung Beta Hulu, Kampung Kor, Kampung Pulau Panjang, Kampung Padang Enggang, Kampung Tini, Kampung Pasir Jelatang, Kampung Tiong (2), Kampung Mulong, Kampung Penambang, Kampung Tikat, Kampung Bunga Mas, Kampung Redang dan Kampung Bawah Lembah turut dijangka terjejas banjir," katanya. BERNAMA

# Lelaki cuba rakam video wanita di Banting ditahan

Bernama
19/12/2024 00:17 MYT



*Polis mengesahkan menahan seorang lelaki tempatan yang dipercayai terlibat dalam kes cubaan gangguan seksual dan merakam video seorang wanita di sebuah pasar raya di Jenjarom, Kuala Langat baru-baru ini. - Foto hiasan*

**SHAH ALAM:** Polis mengesahkan menahan seorang lelaki tempatan yang dipercayai terlibat dalam kes cubaan gangguan seksual dan merakam video seorang wanita di sebuah pasar raya di Jenjarom, Kuala Langat baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Supt Mohd Akmalrizal Radzi berkata lelaki itu ditahan di sekitar Banting dan direman dua hari hingga esok.

"Berdasarkan siasatan awal, lelaki itu mengaku bahawa dia adalah individu terbabit sebagaimana dalam rakaman kamera litar tertutup.

"Semakan mendapati, lelaki itu yang tidak mempunyai rekod lampau itu juga mengakui pertama kali melakukan perbuatan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Pada Isnin, Akmalrizal dilaporkan berkata pihaknya memburu seorang lelaki berkaitan kes rakam dan gangguan seksual di sebuah pasar raya di Jenjarom, susulan laporan kes yang diterima pada 10.36 pagi, 9 Dis lepas oleh mangsa yang juga wanita warga tempatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CITIZENS FOIL RAPE ATTEMPT IN PUBLIC TOILET | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 19 DIS 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Citizens foil rape attempt in public toilet

**By MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

**KLUANG:** An unemployed man has been detained by members of the public for allegedly trying to rape a woman inside a public toilet at Laman Kreatif Kampung Melayu here.

Kluang OCPD Asst Comm Bahrin Mohd Noh said police were notified that a 34-year-old man had been detained at around 5.50pm on Tuesday for attempted rape.

"At around 5.20pm on the same date, a 24-year-old woman, who works as a trader, entered the public toilet, where she found the door of one of the cubicles was locked, but did not suspect anything.

"When the victim was about to enter one of the cubicles, the suspect emerged from the locked toilet and ordered her to remain quiet.

"As she attempted to leave, the suspect immediately locked the main door," the senior police officer said yesterday.

ACP Bahrin added the victim then screamed for help, but the suspect approached her and used his weight to push her, causing the victim to fall to the floor.

"When the assailant tried to molest the victim, she bit his arm and scratched his face, and was able to escape before alerting the public," he said.

The suspect was arrested at the location, he said, adding that he had committed a string of offences before.

He has been remanded for four days until Dec 21 and could be charged under Section 354 of the Penal Code.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA GIGIT, CAKAR WAJAH PENJENAYAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 DIS 2024 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

NYARIS DIROGOL DI TANDAS AWAM

# Wanita gigit, cakar wajah penjenayah

**Kluang:** Seorang wanita berusia 24 tahun terselamat daripada dirogol di sebuah tandas awam di Laman Kampung Melayu, di sini, jam 5.20 petang kelmarin, selepas menggigit tangan serta mencakar wajah penjenayah.

Penjenayah pula ditahan orang ramai di lokasi sebaik mangsa dapat menyelamatkan diri sebelum direman semalam, bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, suspek penganggur berusia 34 tahun dan sebelum itu, bersembunyi dalam tandas yang pintunya tertutup.

"Semasa mangsa mahu masuk ke tandas, suspek keluar daripada persembunyian dan mengunci pintu tandas berkenaan.

"Mangsa cuba dirogol sebelum menggigit tangan dan mencakar muka suspek. Mangsa kemudian dapat melarikan diri," katanya pada kenyataan.

Penjenayah ditahan orang ramai di lokasi sebaik mangsa dapat menyelamatkan diri dan direman untuk membantu siasatan

Menurutnya, polis tiba di lokasi tidak lama kemudian dengan suspek ditahan orang ramai.

"Permohonan reman terhadap suspek dibuat hari ini (semalam), di Mahkamah Majistret Kluang.

"Ujian saringan air kencing mendapati, suspek negatif dadah, namun dia memiliki enam rekod jenayah dan tiga dadah," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial berkaitan kejadian yang memaparkan orang ramai menahan lelaki terbabit sebelum polis tiba.



SUSPEK kes cubaan rogol di tandas awam di Laman Kampung Melayu, Kluang ditahan orang awam.




# Video pornografi bawah umur semakin mudah diakses, harga serendah RM1

Oleh NST - Disember 18, 2024 @ 10:31am



Suatu ketika dulu ia hanya tersorok dalam ceruk laman web gelap, namun kini bahan penderaan seksual kanak-kanak (CSAM) amat mudah diakses di Malaysia.

KUALA LUMPUR: Suatu ketika dulu ia hanya tersorok dalam ceruk laman web gelap, namun kini bahan penderaan seksual kanak-kanak (CSAM) amat mudah diakses di Malaysia, dengan video dijual di platform media sosial hanya dengan harga RM1.

Permintaan yang semakin meningkat untuk kandungan sedemikian menyemarakkan lagi pengeluaran bahan pornografi kanak-kanak buatan tempatan, menimbulkan kebimbangan mendalam tentang keselamatan golongan itu.

The New Straits Times (NST) baru-baru ini menyiasat 'dunia bawah tanah' kandungan lucah, mendedahkan banyak kumpulan dan akaun tersembunyi secara terbuka mempromosikan apa yang didakwa mereka sebagai kandungan antarabangsa dan tempatan.

Penjual menggunakan beberapa lapisan sistem di mana pembeli perlu menyertai kumpulan sama ada kategori umum atau pratonton, kemudian berinteraksi dengan pentadbir web untuk melanggan akses kepada kandungan eksklusif.

Dalam tempoh tiga hari sahaja, seorang wartawan NST berjaya menyusup ke dalam kumpulan itu dan mengenal pasti penjual yang mengedarkan bahan penderaan seksual kanak-kanak, menyerlahkan kebimbangan mengenai betapa mudahnya ia diakses.

Penjual menarik perhatian pembeli dengan berkongsi sedutan kandungan mereka, rakaman skrin galeri kumpulan eksklusif serta testimoni daripada pembeli yang 'berpuas hati' sebelum ini.

Mesej ini akan dipadam selepas tempoh tertentu, dengan penjual kerap kali menutup akaun mereka sebelum mencipta akaun baharu untuk mengelak ia mudah dikesan.

Wartawan sama juga mendekati beberapa penjual yang menawarkan pelbagai pakej, memberikan akses kepada kumpulan yang didakwa mengandungi bahan seksual kanak-kanak yang berharga antara RM50 hingga RM350.

Salah seorang daripada mereka mendakwa menguruskan bukan hanya satu kumpulan, yang disediakan berdasarkan kecenderungan, seperti yang menampilkan lelaki dengan perempuan bawah umur dan kumpulan dengan kandungan eksklusif perempuan yang melakukan hubungan seksual dengan lelaki bawah umur.

Tidak seperti kumpulan umum yang boleh mempunyai sehingga 30,000 ahli aktif kumpulan eksklusif ini sering menggunakan nama yang tidak kelihatan berbahaya untuk mengelak ia kelihatan mencurigakan dan mempunyai ahli yang lebih sedikit.

Penjual berkenaan seperti tidak terkesan dengan kemungkinan kumpulan terbabit dipadamkan, sebaliknya dilihat yakin apabila menjamin apa yang mereka dakwa sebagai keahlian 'seumur hidup' kepada kumpulan mereka.

Bagi yang mempunyai bajet lebih sedikit, video boleh didapati dengan harga serendah RM1 setiap satu.

Semua video dihantar kepada pengguna selepas pembayaran, yang boleh dibuat melalui pelbagai platform, termasuk pembayaran kod QR dan e-dompet.

NST turut melihat sendiri beberapa video.

Berdasarkan tontotan itu, walaupun mereka yang berada dalam video itu kelihatan seperti bawah umur, wartawan tidak dapat menentukan sama ada mereka adalah rakyat Malaysia.

Dalam satu video, bagaimanapun kedengaran suara lelaki bercakap dengan kanak-kanak bawah umur dalam dialek Cina tempatan.

Dalam beberapa keadaan, video buatan sendiri yang berkualiti rendah menampilkan rakaman yang difokus dengan begitu dekat, rakan sudut pandangan (POV), disertai suara tidak jelas memberi arahan kepada kanak-kanak.

Walaupun kanak-kanak bawah umur dalam video itu dilihat tidak menentang, mereka kelihatan keliru dan hanya mengikut arahan.

Ramai antara mereka juga kelihatan tidak selesa, mengantuk malah ada yang tidur.



Tangkap layar sebahagian daripada video yang memaparkan bahan seksual kanak-kanak.

Kebanyakan video dirakam dalam persekitaran rumah, dengan beberapa daripadanya menunjukkan individu ini bermati-matian cuba untuk berdiam diri, seolah-olah takut bahawa mereka mungkin membangunkan orang lain dalam rumah yang sama.

**Video dirakam dalam persekitaran rumah**

Satu video malah menunjukkan seorang dewasa sedang tidur di atas katil berdekatan, tidak menyedari perkara ngeri yang berlaku hanya beberapa kaki sahaja jaraknya.

Salah satu video yang dilihat NST turut dirakam dengan kehadiran seorang kanak-kanak kecil, yang dilihat berguling-guling di atas lantai berhampiran, manakala kanak-kanak bawah umur itu beraksi dengan seorang lelaki dewasa.

Pada 2018, NST melaporkan mengenai Internet Crimes Against Children - Children Online Protective Services (ICACCOPS), sistem yang dibangunkan Amerika Syarikat (AS) yang digunakan untuk membantu polis mengenal pasti pembekal lucah dengan menjejaki alamat protokol internet (IP), lokasi dan aktiviti dalam talian

Untuk mengawal selia platform media sosial dengan lebih baik, Malaysia menjadikannya satu keperluan untuk platform - termasuk perkhidmatan pemesejan dalam talian - dengan sekurang-kurangnya lapan juta pengguna dilesenkan, bermula dari 1 Ogos.

Untuk mengawal selia platform media sosial dengan lebih baik, Malaysia menjadikannya satu keperluan untuk platform - termasuk perkhidmatan pemesejan dalam talian - dengan sekurang-kurangnya lapan juta pengguna dilesenkan, bermula dari 1 Ogos.

Rangka kerja kawal selia baharu, bertujuan memastikan ekosistem dalam talian lebih selamat, akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari tahun depan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURULATIH KEM MOTIVASI DIJEL LIMA TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 19 DIS 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## MENGAKU CABUL PELAJAR KOLEJ

# Jurulatih kem motivasi dijel lima tahun

**Muar:** Jurulatih sebuah kem motivasi di Pontian yang pernah ditahan kerana disyaki merogol pembantu rumah serta amang seksual anak tiri, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencabul pelajar perempuan sebuah kolej, bulan lalu.

Tertuduh, Matsidi Samad, 46, bagaimanapun mengaku bersalah terhadap pertuduhan dikemukakan sebelum Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman penjara lima tahun serta satu sebatan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa berusia 17 tahun di hadapan sebuah kuarters di Taman Soga, Batu Pahat, 7.30 malam, 30 November lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017, yang membawa kepada hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.



MATSIDI (kiri) dipenjara lima tahun serta satu sebatan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Berdasarkan fakta kes, mangsa yang juga pelajar kolej bersama tiga lagi rakan menjadi fasilitator sambilan dengan tertuduh yang juga bekas anggota keselamatan bertindak selaku jurulatih.

Pada hari kejadian, mangsa bersama rakan dihantar pulang oleh tertuduh ke rumah masing-masing dengan menaiki sebuah kereta.

Namun mangsa adalah individu terakhir dihantar oleh tertuduh. Sebaik tiba di hadapan rumah, tertuduh menghalang mangsa keluar dari kereta dan tidak lama kemudian, lelaki itu terus melakukan perbuatan terbabit.

Mangsa meronta dan menangis kemudian keluar dari kereta terus memasuki rumah. Kejadian itu terbongkar apabila mangsa menceritakan kepada tiga rakannya sebelum diminta membuat laporan polis.

Pada jam 12.30 tengahari, atas maklumat dan risikan dijalankan, polis berjaya menahan tertuduh di Seremban, Negeri Sembilan untuk siasatan lanjut.

Semakan polis juga mendapati tertuduh pernah ditahan pada 2018 kerana merogol pembantu rumah dan amang seksual fizikal terhadap anak tirinya pada 2007.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir dan Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

MALAYSIA MADANI

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | TUKANG CUCI MENGKU SALAH NODA REMAJA | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 19 DIS 2024 | M/SURAT : | 19 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



IKHMAL Rizza didakwa di Mahkamah Sesyen Muar. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

## Tukang cuci mengaku salah noda remaja

**Muar:** Seorang tukang cuci kenderaan yang mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol remaja perempuan hingga melahirkan bayi, tahun lalu.

Ikhmal Rizza Abu Bakar, 30, berhadapan dua pertuduhan, membuat permohonan maaf yang disampaikan melalui peguamnya ketika rayuan dikemukakan selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa merogol remaja berusia berusia 16 tahun di sebuah pusat komersial di Bukit Gambir, Tangkak, antara jam 2 dan 3 petang, Julai hingga Ogos tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dengan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh mengenali mangsa yang juga pelajar melalui media sosial sebelum mengajaknya berjumpa di Bukit Gambir.

Sebaik tiba di lokasi, tertuduh memberi alasan untuk mengambil barang dalam bilik sewanya manakala mangsa menunggu di tangga bawah.

Bagaimanapun, tertuduh menarik tangan dan membawa mangsa masuk ke dalam bilik lalu mengunci pintunya.

Selepas kejadian pertama, tertuduh mengambil telefon mangsa. Beberapa hari kemudian, tertuduh meminta mangsa datang ke lokasi sama untuk mengambil telefon.

Mangsa tanpa berfikir panjang bergerak ke lokasi itu sebaliknya dia dirogol sekali lagi oleh tertuduh di tempat sama.

Susulan itu, mangsa disahkan hamil lapan bulan dan melahirkan bayi perempuan Mac lalu.

Malah, ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap bayi dilahirkan sepadan dengan DNA tertuduh serta mangsa.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir dan Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili Amalia Marsita Hamdan daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan dengan hukuman berjalan serentak bermula tarikh tertuduh ditahan 25 Ogos lalu.

Pada masa masa, mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani sesi kaunseling sepanjang dipenjara serta pengawasan polis dua tahun sebaik selesai hukuman selari dengan Seksyen 26 dan 27 AKKTSKK.

# Peniaga pakaian diberkas disyaki cabul pelanggan

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI    18 Disember 2024, 4:05 pm




SUSPEK diiringi polis ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Alor Gajah, Melaka untuk mendapatkan permohonan reman. Foto MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI/ KOSMO!

ALOR GAJAH – Seorang peniaga pakaian ditahan selepas disyaki mencabul seorang pelanggan wanita yang membeli pakaian di butik miliknya di Masjid Tanah di sini, minggu lalu.

Suspek lelaki berusia 59 tahun itu ditahan kira-kira pukul 10.15 malam di pejabat Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka, semalam.

Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Md. Nazri Zawawi berkata, satu laporan polis telah dibuat oleh pengadu berusia 27 tahun pada 13 Disember lalu mendakwa telah dicabul suspek sewaktu membeli pakaian di kedai milik terbabit.

"Lelaki berkenaan datang menghimpit pengadu yang sedang memilih pakaian membuatkan wanita itu menjarakkan diri kerana berasa tidak selesa.

"Setelah selesai membuat pembayaran, suspek tiba-tiba bertindak mengusap kepala pengadu. Pengadu berasa terkejut lalu melarikan diri dan pulang ke rumah sebelum memberitahu kejadian kepada suaminya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Tambah Md. Nazri, saringan ujian air kencing mendapati suspek bebas daripada sebarang penyalahgunaan dadah.

"Suspek juga membuat laporan polis bagi menafikan insiden berkenaan selain mendapati gambar dirinya dan kedai telah tular di Facebook. Suspek direman dua hari sehingga 19 Disember ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan," ujarnya. – KOSMO! ONLINE




# Kes gangguan seksual profesor: UM sah terima laporan, persatuan kakitangan gesa siasatan telus

Hasimi Muhamad
18/12/2024 14:13 MYT




*UM berkata pihaknya menyerahkan kepada pihak berkuasa berkaitan untuk siasatan. - Foto fail*

**KUALA LUMPUR:** Universiti Malaya (UM) mengesahkan menerima laporan kes gangguan seksual yang didakwa melibatkan seorang profesor di universiti berkenaan.

Institusi pengajian itu dalam kenyataan berkata, pihaknya tidak dapat mengulas lanjut dan telah menyerahkannya kepada pihak berkuasa untuk siasatan.

“UM akan terus memantau perkembangan ini dan bersedia memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkenaan bagi memastikan isu ini ditangani dengan sewajarnya,” kata UM dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) menggesa panel penyiasat dibentuk dengan segera untuk menyiasat kejadian itu secara menyeluruh dan telus.

Tegasnya, dakwaan gangguan seksual melibatkan profesor dan pelajar adalah serius kerana melibatkan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pihak berwibawa yang diberikan amanah.

Jelas PKAUM, tindakan segera oleh pihak pengurusan universiti penting untuk menamatkan segala isu susulan dakwaan itu, sekali gus menjaga keselamatan pelajar dan komuniti kampus.

"Selain itu, terdapat dakwaan viral seorang pensyarah kanan dari jabatan yang sama menafikan kejadian ini dan mengambil inisiatif untuk menyiasat kes tersebut.

"Jika ini benar, apakah bidang kuasa yang dia ada untuk berbuat demikian, terutamanya apabila jelas bahawa terdapat potensi konflik kepentingan?," kata PKAUM dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Kelab Feminisme UM (UMFC) dilapor menggesa pengurusan UM memperketat polisi gangguan seksual setelah seorang profesor didakwa berkongsi gambar bogel dengan pelajar.

UMFC mendakwa gambar itu turut dicetak dan dipamer di sekitar kampus sebagai tanda amaran buat pelajar lain tetapi diturunkan tidak lama selepas itu.